

Hak PM untuk rombak - Muhyiddin

PAGOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mempunyai hak untuk membuat sebarang perubahan dalam barisan Kabinet mengikut perancangan tersendiri.

Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau ada membaca berita berkaitan perkara itu, namun enggan mengulas lanjut termasuk kewajaran melakukan perkara berkenaan.

“Saya bukan Perdana Menteri, elok tanya Perdana Menteri (Ismail Sabri) dan kalau ada pun itu perancangan Perdana Menteri.

“Saya tak boleh nak komen, itu hak Perdana Menteri sama

ada nak rombak atau tak rombak, itu hak dia. Tetapi, bi-
masalah dalam politik, orang
buat ramalan, jadi terserah ke-
pada Allah SWT dan Perdana
Menteri untuk putuskan,” kata
bekas Perdana Menteri dan
Ahli Parlimen Pagoh itu semasa
meninjau pusat pemindahan
sementara (PPS) Balairaya
Kampung Jawa di Lenga, dekat
sini semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia*
melaporkan setelah hampir
lima bulan menerajui kerajaan
Keluarga Malaysia, Ismail Sabri
dijangka melakukan rombakan
Kabinet dan melantik Timbalan
Perdana Menteri minggu
hadapan.

Malah, Ismail Sabri ketika

mengulas khabar angin itu
berkata, selagi tiada kenyataan
rasmi daripada beliau ber-
hubung perkara tersebut, orang
ramai boleh menganggap cerita
berkenaan sebagai spekulasi.

Sementara itu di Arau Peng-
analisis politik dari Universiti
Utara Malaysia (UUM), Prof.
Madya Dr. Rusdi Omar berkata,
Perdana Menteri perlu berani
melakukan rombakan Kabinet
bagi menggantikan beberapa
menteri atau timbalan yang
dilihat gagal memainkan pe-
ranan khususnya dalam men-
angani bencana banjir baru-
baru ini.

Jika tidak ada rombakan Ka-
binet, Perdana Menteri perlu
bersedia membubarkan Parli-

men bagi memberi ruang ke-
pada Pilihan Raya Umum Ke-15
(PRU-15) sekali gus meredakan
sedikit kemarahan rakyat ke-
pada kerajaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Rusdi berkata,
masalah koordinasi antara
kementerian sehingga saling
menyalahkan sesama sendiri
paling jelas kelihatan ketika
berdepan dengan bencana
banjir tersebut.

“Perdana Menteri mahu
tidak mahu kena berani mem-
buat keputusan (rombakan
Kabinet) kerana rakyat jelas
tidak gembira dengan prestasi
sesetengah menteri khususnya
dalam menangani banjir,” ka-
tanya.